

3 kriteria tingkatkan keupayaan

Oleh ZULKIFLEE BAKAR

GENTING HIGH-
LANDS 8 Ogos —
Diplomat Malaysia harus memiliki dan menguasai tiga kriteria utama bagi meningkatkan lagi keupayaan mereka bertugas di peringkat antarabangsa, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Katanya, tiga kriteria itu ialah penguasaan bahasa Inggeris sepenuhnya, memelihara imej negara dan memahami sepenuhnya konsep pensyarikatan Malaysia.

"Jika mereka mempunyai ketiga-tiga kriteria ini, ia sudah tentu akan membolehkan mereka

menjadi jurucakap negara yang lebih berkesan," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Ketua-Ketua Perwakilan di sini, hari ini.

Mengenai bahasa Inggeris, Perdana Menteri berkata, para diplomat harus menguasai bahasa tersebut dengan sepenuhnya kerana ia akan membolehkan mereka berkomunikasi dengan berkesan di negara di mana mereka dihantar bertugas.

"Jika kita dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik ia akan memudahkan kita untuk mengadakan perbincangan yang berfaedah dengan sesiapa juga," katanya.

akan melibatkan negara dalam satu perjanjian yang akan menjejaskan faedah kita," katanya.

Mengenai pensyarikatan Malaysia, Dr. Mahathir berkata, para diplomat harus memahami konsep tersebut telah mendatangkan keuntungan yang besar kepada negara.

Katanya, sebagai wakil negara, para diplomat ha-

Menurut beliau, melalui penguasaan itu juga ia akan membolehkan para diplomat mempelajari banyak perkara yang berguna yang berkaitan hubungan luar antara negara ini dengan negara lain semasa perbincangan berlangsung.

"Oleh itu kemahiran di dalam bahasa Inggeris amat penting kepada diplomat dan untuk mencapai tahap itu adalah tidak mencukupi untuk menggunakan bahasa tersebut yang dipelajari ketika di universiti.

"Diplomat harus mengambil inisiatif untuk belajar bahasa itu kerana ia akan membolehkan mereka memahami apa yang berlaku," katanya.

rus membantu ahli perniagaan yang pergi ke negara di mana mereka bertugas.

"Diplomat haruslah memastikan ahli perniagaan yang pergi merupakan ahli perniagaan yang tulen dan menjalin hubungan juga dengan ahli perniagaan yang tulen," katanya.

Para diplomat, tegas Perdana Menteri, harus

Tegasnya, penguasaan bahasa Inggeris yang baik akan mengelakkan para diplomat daripada melakukan kesilapan ketika menggunakan sesuatu perkataan ketika merangka perjanjian antara negara ini dengan negara lain.

"Diplomat perlu mengetahui sesuatu perkataan itu dengan betul kerana jika anda menggunakan perkataan yang salah ia

melakukan apa sahaja yang boleh untuk memastikan ahli perniagaan dari negara ini berjaya kerana jika golongan itu berjaya, negara juga akan berjaya.

"Walaupun para diplomat tidak menyambut golongan ini di lapangan terbang tetapi mereka harus mengetahui siapakah ahli perniagaan itu dan dengan siapakah mereka berurusan," katanya.